Ruj. MIDA : MIDA.024.400-5/7/97
Tarikh : 16 November 2026

MALAYSIAN
INVESTMENT
DEVELOPMENT
AUTHORITY

MIDA SENTRAL
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
T : +603 2267 3633
F : +603 2267 7970
E : investmalaysia@mida.gov.my
www.mida.gov.my

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : SH MIDA BIL: 29/2026

PERKARA : SEBUT HARGA PERKHIDMATAN REKA BENTUK, PEMBINAAN DAN PENYEDIAAN RUANG PAMERAN SERTA RERUAI SEMPENA *NATIONAL INVESTMENT SUMMIT* (NIS) 2026

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada :	Pelawaan sebut harga oleh :
Sesiapa Yang Berkenaan	**Ketua Pegawai Eksekutif** **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Bahagian Pengurusan Korporat** **Tingkat 14, MIDA Sentral** **No. 5, Jalan Stesen Sentral 5** **Kuala Lumpur Sentral** **50470 Kuala Lumpur** No. Telefon : **03 – 2267 3633** No. Faks : **03 – 2274 7970**

Sebut harga adalah dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** serta memiliki **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** di bawah **Kod Bidang:-**

221305 - Penyediaan Pentas/Pameran Pertunjukan, Taman Hiburan dan Karnival/Pesta Ria; ATAU

221401 - Bangunan/Hiasan Dalaman

dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa.

1. PERINGATAN

1.1 Penyebutharga-penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebut harga sebelum mengemukakan tawaran.

1.2 **Pastikan dokumen sebut harga ditaip mengikut format yang telah ditetapkan di dalam borang maklumbalas teknikal dan harga (*softcopy* akan dibekalkan).**

1.3 MIDA tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

1.4 sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan.**

2. JAMINAN ATAS SEBUTHARGA

Pendaftaran penyebutharga-penyebutharga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebut harga-sebut harga yang dikemukakan. Sekiranya penyebutharga-penyebutharga menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, tindakan tatatertib akan diambil dan MIDA akan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membatalkan pendaftaran tuan sebagai Kontraktor Kerajaan.

3. TEMPOH PERKHIDMATAN

Tempoh perkhidmatan bagi perolehan ini adalah **SATU (1) BULAN** bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.

4. DOKUMEN SEBUTHARGA

BAB 1 – Surat Akuan Penyebutharga & Surat Akuan Pembida

BAB 2 – Spesifikasi Teknikal

BAB 3 – Jadual Maklumbalas Teknikal

BAB 4 – Keterangan Mengenai Kakitangan & Pengalaman Syarikat

BAB 5 – Jadual Maklumbalas Harga

BAB 6 – Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat

5. PENYERAHAN SEBUTHARGA

5.1 Dokumen sebut harga hendaklah lengkap, ditandatangani dan diserahkan kembali kepada MIDA **termasuk 'softcopy' (perlu dikemukakan) tidak lewat daripada** jam **12.00 tengah hari** pada **23 November 2026 (Isnin).**

5.2 Sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara 'softcopy' dengan 'hardcopy', MIDA akan menggunakan maklumat dalam **'hardcopy' sebagai penentu.**

5.3 Tawaran ini hendaklah dikemukakan dalam **satu (1) sampul surat berlakri (*sealed*) beserta dokumen-dokumen yang mesti dikembalikan** dan ditanda bahagian atas sampul surat itu dengan:-

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN REKA BENTUK, PEMBINAAN DAN PENYEDIAAN RUANG PAMERAN SERTA RERUAI SEMPENA *NATIONAL INVESTMENT SUMMIT* (NIS) 2026
SEBUTHARGA MIDA BIL. : 29/2026
DITUTUP PADA : 23 November 2026 (Isnin)
MASA : SEBELUM / PADA 12.00 TENGAHARI

Dokumen-dokumen yang mesti **dikembalikan/dikemukakan** ialah :-

1.	Bab 1 (Mandatori)	Surat Akuan Petender Surat Akuan Pembida	
2.	Bab 3	Jadual Maklumbalas Teknikal *(Hardcopy & Softcopy)*	
3.	Bab 4	Pengalaman & Projek Syarikat :- ➢ Pengalaman/Profil Syarikat ➢ Projek Yang Sedang Dilaksanakan	
4.	Bab 5	Jadual Maklumbalas Harga *(Hardcopy & Softcopy)*	
5.	Bab 6	Butir-Butir Petender & Maklumat Kewangan Syarikat :- ➢ Penyata Kewangan untuk 3 tahun terakhir ➢ Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir	
6.	(Mandatori)	Salinan Pendaftaran Syarikat Dengan:- ➢ Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ➢ Kementerian Kewangan (MOF) ➢ Sijil Pematuhan Cukai (TCC)	
7.	(Mandatori)	Lampiran Semakan – Pengesahan Oleh Syarikat	

5.4 Jika sebut harga dihantar dengan **menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier**, Penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari, 23 November 2026 (Isnin)**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

5.5 Senarai semakan sebut harga bagi dokumen-dokumen yang disertakan adalah seperti di **Lampiran Semakan**. Semua sebut harga hendaklah dialamatkan kepada:-

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

5.6 Sebutharga hendaklah diserahkan di:-

Bahagian Pengurusan Korporat
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
Tingkat 14, MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

6. SYARAT – SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

6.1 HARGA

Harga yang disebutkan hendaklah harga bersih termasuk kos penghantaran, pemasangan, insurans, diskaun, cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan sebagainya. Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM). Sebutharga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.

6.2 HARGA INDIKATIF

(a) Harga Indikatif Jabatan sebut harga ini adalah **Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sembilan Puluh Ribu Sahaja (RM190,000.00) termasuk 8% SST**.

(b) Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

(c) Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

6.3 SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

6.4 BARANG SETARA

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

6.5 PERSETUJUAN

(a) MIDA tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan

(b) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6.6 PEMERIKSAAN

(a) MIDA sentiasa berhak melantik pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut ; dan

(b) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

6.7 **PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6.8 **PENOLAKAN**

(a) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

(b) Apabila diminta, penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada MIDA segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

(c) Fasal kecil (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak MIDA untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

6.9 **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MIDA.

6.10 **TAFSIRAN**

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

6.11 INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

6.12 LARANGAN

(a) Pengangkutan bagi barang-barang larangan dan merbahaya adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pihak syarikat hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan bagi kemasukan barang-barang ke negara berkenaan dipatuhi.

(b) Barang-barang kepunyaan orang lain (pihak ketiga) adalah tidak dibenarkan dimuatkan bersama barangan MIDA.

6.13 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

(a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);

(b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa–apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);

(c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan

(d) Mana-mana kontraktor atau Penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

6.14 PENAMATAN

(a) MIDA atau melalui wakilnya berhak membatalkan perkhidmatan sekiranya syarikat berada dalam salah satu daripada keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada MIDA atau melalui wakilnya.

(b) Sekiranya syarikat masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan seperti di dalam sebut harga tuan.

(c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh syarikat, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.

(d) Tidak mematuhi arahan MIDA atau wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah.

(e) Apabila syarikat diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

6.15 PENAMATAN ATAS SEBAB RASUAH ATAU AKTIVITI-AKTIVITI YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG

(a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak MIDA, sekiranya SYARIKAT, personel, kakitangan atau pekerjanya telah disabitkan bersalah di

Mahkamah untuk rasuah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain antara MIDA dan SYARIKAT tersebut, sekiranya ada, MIDA berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada SYARIKAT bagi maksud itu.

(b) Akibat daripada penamatan tersebut, MIDA berhak menuntut segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh MIDA.

(c) Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, kedua-dua pihak dengan ini bersetuju bahawa pihak SYARIKAT tidak mempunyai sebarang hak untuk membuat tuntutan ganti rugi termasuk kekurangan keuntungan, kerugian, atau apa-apa tuntutan lain akibat daripada penamatan Perjanjian ini.

7. PENERIMAAN SEBUTHARGA

7.1 MIDA akan memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebut harganya disetujuterima.

7.2 Notis itu tidaklah boleh disifatkan sebagai disetujuterima sehingga pengesahan bertulis daripada penyebutharga menyatakan bahawa semua syarat-syarat sebut harga atau yang diubahsuai adalah diterima.

8. BANTAHAN SPESIFIKASI

Penyebutharga yang merasa tidak berpuashati dengan spesifikasi yang disediakan, mereka berhak untuk membuat bantahan kepada MIDA dalam tempoh **tiga (3) hari** dari tarikh dokumen sebut harga mula diedarkan. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

9. MAKLUMAT TAMBAHAN

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, syarikat diminta berhubung dengan mana-mana pegawai seperti berikut:-

i. **Encik Mohd Adham Muhammad, Bahagian Pengurusan Korporat, 03-2267 3542, mohdadham@mida.gov.my; ATAU**

ii. **Puan Faridah Salmi Mohd Mokhtar, Bahagian Komunikasi Korporat, 03-2263 2430, salmi@mida.gov.my**

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAINAL ABDUL RAHMAN)
Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

BAB 1

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA
TINGKAT 14, MIDA SENTRAL
NO. 5, JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

SEBUTHARGA MIDA BIL. 29/2026
SEBUTHARGA PERKHIDMATAN REKA BENTUK, PEMBINAAN DAN PENYEDIAAN RUANG PAMERAN SERTA RERUAI SEMPENA *NATIONAL INVESTMENT SUMMIT* (NIS) 2026

Kepada:

Penyebutharga-penyebutharga,

Borang ini hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan DOKUMEN MAKLUM BALAS TEKNIKAL DAN JADUAL HARGA di dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

Kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

Tuan,

SEBUT HARGA MIDA BIL: 29/2026
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN REKA BENTUK, PEMBINAAN DAN PENYEDIAAN RUANG PAMERAN SERTA RERUAI SEMPENA *NATIONAL INVESTMENT SUMMIT* (NIS) 2026

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini adalah dengan ini mengambil bahagian sebut harga dan menawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas mengikut penentuan spesifikasi yang ditetapkan di dalam Dokumen Sebutharga.

2. Saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua Syarat-syarat Kontrak dan Spesifikasi Sebutharga ini dan bersetuju di atas harga yang ditawarkan RM..... sebagai asas perkiraan bagi pembayaran perkhidmatan yang telah dipesan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa MIDA berhak menerima atau menolak sebarang sebut harga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan sebut harga-sebut harga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima kesemua atau sebahagian dari item-item yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan MIDA. Saya juga bersetuju bahawa harga sebut harga yang saya beri ini akan sahlaku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam tempoh sembilan

puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga dan tiada apa-apa syarat dikenakan selepas tarikh ditetapkan.

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya sebut harga saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak serta memberi bon pelaksanaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh terima surat tawaran dari MIDA, sekiranya diarahkan.

5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk sebut harga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga.

Nama Penyebutharga : _____ _____
(Tandatangan Penyebutharga)

Alamat dan Cop Rasmi Syarikat : _____
_____
_____
_____

Tarikh : _____
_____

Nama Saksi : _____ _____
(Tandatangan Saksi)

Alamat : _____
_____

SURAT AKUAN PEMBIDA

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN REKA BENTUK, PEMBINAAN DAN PENYEDIAAN RUANG PAMERAN SERTA RERUAI SEMPENA *NATIONAL INVESTMENT SUMMIT* (NIS) 2026

(SEBUTHARGA MIDA NO. 29/2026)

Saya, ... nombor K.P. ..... yang mewakili syarikat ..... nombor Pendaftaran syarikat ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan- tindakan berikut diambil:

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :
Cop Syarikat :

BAB 2 - SPESIFIKASI TEKNIKAL

1.0 Introduction

The Malaysian Investment Development Authority (MIDA) is the principal government agency under the Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI) responsible for promoting and facilitating investment in Malaysia's manufacturing and services sectors.

MIDA, through its Corporate Communications Division in collaboration with the Domestic Investment Division, is preparing the scope of work and technical specifications for the design, fabrication, installation, operation and dismantling of the exhibition area for National Investment Summit (NIS) 2026. The purpose is to obtain comparable, itemised technical and financial proposals from qualified exhibition service providers.

1.1 MOF Registration

The bidder must possess a valid registration with the Ministry of Finance Malaysia (MOF) under the following relevant field code(s):

- **221305:** Penyediaan Pentas/Pameran Pertunjukan, Taman Hiburan dan Karnival/ Pestaria;
  OR
- **221401:** Bangunan/Hiasan Dalaman

The bidder must be registered under at least one (1) of the specified field codes

2.0 Background

National Investment Summit (NIS) 2026 is proposed as a two-day national investment platform on 9 to 10 December 2026 at Kuala Lumpur Convention Centre, bringing together industry leaders, investors, state and regional investment promotion agencies, financial institutions, industrial park developers, business associations and government stakeholders. The programme targets approximately 700 participants.

This programme comprises eight strategic components:

- Opening Ceremony;
- Industrial Estate;
- MIDA's Highlights;
- Supply Chain & Market Access;

- Funding & Financing;
- Talent Readiness;
- Investment Facilitation & Business Meeting; and
- Exhibition Showcase.

Activities include investment outlook and incentive-related briefings, industrial park standards, supply-chain discussions, funding opportunities, consultations and business matching.

The exhibition in Hall 7A serves as the physical investment showcase complementing the main sessions in Hall 7B and other parallel meeting spaces. It is intended to present opportunities across six economic regions, introduce investors to MIDA's end-to-end facilitation through the Investor's Journey concept, and connect visitors with financial institutions, industrial park developers and participating agencies.

The programme proposes a VVIP walkabout to the exhibition area following the opening ceremony on 9 December 2026. The exhibition must therefore be fully operational, appropriately branded and ready for protocol movement before the opening programme. It will remain accessible during the two-day event, subject to the final programme and venue arrangements.

3.0 Booth Specifications and Requirements

3.1 Event Details

Organisation:	Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
Project Owner:	Domestic Investment (DI) Division, MIDA
Event:	National Investment Summit (NIS) 2026 Exhibition
Venue:	**Hall 7A, Level 3,** Kuala Lumpur Convention Centre
Setup:	8 December 2026 from 7.00 a.m.
Dismantling:	10 December 2026 at 7.00 p.m. until completion.
Indicative Budget:	RM190,000 (including SST)
Hall Dimension:	28.06m × 26.70m × 8.5m
Floor Plan:	**Hall 7A, 7B and 7C Floor Plan**
Concept:	**Mixed Modular and Customised Concept with Open Space Concept**
General Requirement:	The exhibition in Hall 7A shall comprise of the followings (but not limited to):

- ~ 30 standard 3m × 3m lots (maximum capacity is 42 lots of 3x3m)
- 1 central 6m × 6m four-sided open MIDA Mother Booth;
- 6m × 3m B2B Discussion Lounge.
- Main cross-aisles are indicated at approximately 3.0m; and
- final placement and safety clearances are subject to KLCC verification and approval.

3.2 Exhibition Space Allocation and Booth Configuration

The Contractor shall design, supply, fabricate, install, maintain and dismantle the exhibition structures at Hall 7A, Level 3, Kuala Lumpur Convention Centre, based on a total of thirty (30) standard exhibition lot equivalents measuring 3m × 3m each, together with one (1) separate MIDA Mother Booth measuring 6m × 6m.

The proposed allocation of the thirty (30) standard lot equivalents is as follows:

Category	Proposed Quantity	Booth Size	Standard Lot Equivalents
Strategic Partner	Up to 4 booths	3m × 6m	8
Executive Partner	Up to 2 booths	3m × 3m	2
Institutional Exhibitors/ Partners	Up to 20 booths	3m × 3m	20
Total	**Up to 26 booths**		**30**

The MIDA Mother Booth (6m × 6m) and B2B Discussion Lounge (6m × 3m) shall be provided separately in accordance with the approved exhibition layout.

a. Each Strategic Partner booth shall comprise two (2) adjoining standard 3m × 3m lots, configured as one continuous 3m × 6m expanded shell scheme booth.

b. Each Executive Partner booth shall occupy one (1) standard 3m × 3m lot.

c. Institutional exhibition booths shall be allocated to participating regional economic corridors, State Investment Promotion Agencies, government agencies, universities and other institutions identified by MIDA.

   This include as follows:


- Northern Corridor Economic Region (NCER);
- Eastern Corridor Economic Region (ECER);
- Central Economic Region (CER);
- Iskandar Malaysia (IM);
- Sabah Development Corridor (SDC);
- Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE).

d. The allocation above represents the proposed full commercial participation scenario. The actual number of commercial and institutional exhibitors may vary, subject to MIDA's confirmation.

e. The Contractor shall provide a flexible modular layout to accommodate the final allocation without major structural modifications.

f. The final exhibition layout, booth locations, circulation space and safety clearances shall be subject to MIDA and KLCC approval.

Diagram 1 : Conceptual Floor Layout (Hall 7A)



The proposed regional grouping and location of exhibitors are conceptual and shall not be treated as fixed booth allocations.

4.0 Key Deliverables

The appointed company is expected to:

4.1 Exhibition Design, Drawing and Planning

a. Develop an overall design narrative, coordinated branding treatment, colour/material palette and 3D perspectives for the exhibition, including the standard, commercial and institutional booths, mother booth, B2B lounge and foyer elements.

b. Provide one (1) concept at quotation stage and two (2) options after appointment, followed by an agreed final design and necessary revisions before installation and fabrication.

c. Prepare scaled 2D floor plans, booth elevations, structural/detail drawings, electrical and lighting plans, signage/artwork schedule, furniture layout and installation method statement.

d. Maintain unobstructed circulation, including proposed 3.0m main cross-aisles, the side/perimeter clearance and service/loading access shown in the concept plan, subject to KLCC approval.

4.1.1 Standard Exhibition Booths

The Contractor shall supply and install approximate thirty (30) standard 3m × 3m exhibition lot equivalents using modular or expanded shell scheme structures.

Each standard lot shall include the following minimum fittings:

a. Modular or expanded shell scheme structure with suitable finishing and carpeting.
b. Fascia displaying the approved exhibitor or company name.
c. One (1) printed company logo on the counter.
d. One (1) printed graphic panel.
e. One (1) information counter with lockable storage.
f. One (1) table and two (2) chairs.
g. Two (2) LED spotlights.
h. Two (2) standard 13A electrical sockets, including necessary connection and safe cabling.
i. Basic installation accessories and fittings.

The same minimum specifications shall apply to commercial and institutional exhibitors.

The Contractor shall provide a coordinated design, material and furniture schedule, including the dimensions and printing specifications for all standard booth components.

Final exhibitor names, branding and graphics shall be confirmed and approved by MIDA before printing and installation.

4.1.2 MIDA Mother Booth

The Contractor shall construct one (1) customised MIDA Mother Booth measuring 6m × 6m (36 sqm), designed as a central island booth accessible from all four sides.

The booth shall incorporate MIDA's Investor's Journey concept and comply with the design, furnishing, digital display, branding, lighting, storage and consultation requirements specified under this clause.

a. Present MIDA's Investor's Journey, covering investment exploration, facilitation, implementation and aftercare.

b. Provide a prominent MIDA branding feature, visitor information counter, staged investor-journey graphic/display panels, consultation seating, VIP discussion space and integrated lockable storage (concept plan indicates approximately 2m × 2m).

c. Include one wall-mounted or integrated television/display screen (approximately 50–55 inches), with mounting, power, signal connection and basic technical setup. Content to be supplied by MIDA unless separately quoted.

d. Provide attractive feature lighting, suitable furniture, safe floor finishes, concealed wiring and accessible visitor movement.

e. Show a clear zoning plan and indicate any alternative digital/ interactive features as optional items if not included in the core price.

f. Provide a beverage service counter at the MIDA Mother Booth, offering freshly prepared coffee, chocolate and other suitable beverages. The service shall include a barista, beverage preparation equipment, cups, consumables and all necessary supplies, with an estimated provision of 250 cups per day (500 cups over two days). The beverage service is a mandatory requirement and shall be fully included and separately priced under Item A11 of the Core Scope, covering an estimated 250 cups per day (500 cups over two event days).

4.1.3 Commercial Partner Booths

The Contractor shall accommodate two (2) proposed categories of commercial exhibition booths within the thirty (30) standard lot equivalents.

a. Strategic Partner Booth, 3m × 6m

- Provide up to four (4) expanded shell scheme booths measuring 3m × 6m each.
- Each booth shall combine two (2) adjoining standard exhibition lots into one continuous booth.
- Provide a coordinated fascia displaying the approved company name, graphic panels, counters, furniture, lighting and electrical fittings.
- Ensure that the combined configuration maintains the minimum fittings allocated to two standard lots.
- The final design and branding shall be subject to MIDA's approval.

b. Executive Partner Booth, 3m × 3m

- Provide up to two (2) booths measuring 3m × 3m each.
- Each booth shall comply with the standard exhibition booth requirements under Clause 4.1.1.
- Provide the approved company name, branding and standard furnishings.

c. General Requirements

- The Contractor shall ensure a consistent overall exhibition design and quality of finishing across all commercial and institutional booths.
- The final allocation and branding of commercial partners shall be confirmed by MIDA.
- The Contractor shall allow for reassignment of unconfirmed commercial lots to institutional exhibitors without major structural modifications.
- Any additional customised features beyond the approved standard package shall be separately identified and priced, where applicable.

4.1.4 B2B discussion lounge

a. Create an open networking/discussion area with a suitable number of discussion tables, chairs, branded feature signage and power points.

b. Provide a designated refreshment service point equipped with a water dispenser, drinking water, disposable cups and necessary accessories, with suitable counter space for self-service refreshments.

4.1.5 Entrance, photowall and wayfinding

The Contractor shall design, fabricate, supply and install the following exhibition branding and directional structures:

a. **Entrance Arches, 2 units**

- Two (2) branded entrance arches at locations designated by MIDA.
- Indicative dimensions of approximately 7m (W) × 2.5m (H) per arch, subject to site measurements and KLCC approval.
- Include complete structural support, printed graphics, finishing and installation.

b. **Photowall, 2 units**

- Two (2) branded photowalls measuring approximately 6m (W) × 2.5m (H).
- Include printed graphics, stable supporting structure and suitable finishing.

c. **Exhibition Directory Board, 1 unit**

- One (1) exhibition directory board measuring approximately 6m(W) × 2.5m(H).
- Display the final exhibition layout, exhibitor names, booth numbers and directional information.
- The final directory artwork shall be approved by MIDA before printing.

d. **Directional Signage**

- Provide necessary directional signage and wayfinding elements within the exhibition area, based on the approved layout.

e. Portable 3D #InvestLokal Lettering, 2 Sets

- Design, fabricate and supply two (2) sets of portable, freestanding 3D #InvestLokal lettering.
- One (1) set for the exhibition photowall and one (1) set for the main stage.
- Include suitable materials, stable supporting structures, finishing and protective casing or packaging for transportation and storage.
- The lettering shall be reusable, with final dimensions, colours and design subject to MIDA's approval.
- Include delivery, installation, repositioning where required and dismantling.

f. **General Requirements**

- All structures shall comply with KLCC's installation, structural and fire safety requirements.
- Structures must not obstruct emergency exits, fire equipment, visitor circulation or entrances to adjoining halls.
- Final dimensions, locations and artwork shall be subject to MIDA and KLCC approval.

4.2 Artwork, printing and branding

a. Adapt approved artwork and brand assets supplied by MIDA/participating agencies into print-ready production files; include graphic layout, typesetting, proofing, production and installation.

b. Include fascia graphics, exhibition graphic panels, booth branding, directional signs, entrance arch and photowalls graphics in the core price.

c. Submit artwork proofs for MIDA approval before printing; specify print material, resolution, finishing and installation method.

d. Original copywriting, content research and bespoke creative content development shall be separately priced as an optional service.

e. Incorporate approved sponsor logos into designated exhibition branding materials, where required by MIDA, without additional printing or installation charges within the approved scope.

4.3 Electrical, lighting, cabling and venue services

a. Supply all electrical distribution, lighting, sockets, wiring, safe cable management and testing required for the approved exhibition layout.

b. Provide distribution-board arrangements, load calculation and Single Line Drawing (SLD) as required by KLCC; the market survey references a 32A DB, subject to actual load assessment.

c. Include applicable connection charges, venue technical coordination and statutory approvals/permits as required; separately disclose any items excluded or charged directly by KLCC.

d. Use energy-efficient lighting and ensure access to isolation points and emergency equipment.

4.4 Lighting and Furnishing

